

## **Cabaran dan inisiatif usahawan pelancongan skala Mikro dalam menghadapi pandemik Covid-19 di daerah Ranau, Sabah**

### **ABSTRAK**

Pelancongan boleh dikatakan salah satu alternatif sektor industri yang menyumbang pendapatan keada Negara Malaysia serta berkeupayaan untuk memperkenalkan sesuatu tempat menarik yang tersorok di sesuatu tempat sehingga ke peringkat dunia. Secara tidak langsung, keadaan ini mampu mengurangkan jurang kemiskinan dalam kalangan penduduk tempatan. Kajian penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji inisiatif usahawan pelancongan skala mikro dalam menanganinya di Daerah Ranau, Sabah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam kalangan pengusaha pelancongan mikro di daerah Ranau mendapati kebanyakan daripada mereka amat terkesan dengan Pandemik COVID-19 ini. Di samping itu, kajian ini juga berjaya mengumpul dan menemukan beberapa dapatan penting berhubung dengan cabaran-cabaran serta inisiatif-inisiatif yang perlu dihadapi oleh usahawan pelancongan skala mikro dalam menangani pandemik COVID-19 di Daerah Ranau, Sabah. Kesimpulannya, walaupun pelbagai kekangan yang perlu dihadapi oleh penyelidik, namun penyelidik tidak putus asa terutama dalam mendapatkan informan-informan yang sudi untuk ditemubual secara online oleh penyelidik.